

Tarikh Dibaca: 17 NOV 2017M | 27 SAFAR 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“SYURGA DI BAWAH KAKI IBU”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 3. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Pensyarah, Universiti Selangor**
- 4. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 5. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 6. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 9. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 10. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



“SYURGA DI BAWAH KAKI IBU”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Terlebih dahulu saya berpesan buat diri saya dan hadirin sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Mimbar pada hari yang penuh barakah ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “SYURGA DI BAWAH KAKI IBU”.

¹ Al-Nahl : 78.



Hadirin Jumaat sekalian,

Islam mengajar umatnya agar sentiasa bersyukur. Sikap syukur bukan sahaja ketika mendapat nikmat dan pemberian semata-mata, akan tetapi kita perlu sedar bahawa memiliki seorang ibu di dunia ini adalah nikmat yang besar diberikan oleh Allah kepada kita semua. Insan yang besar jasanya kepada kita ialah seorang insan yang bergelar ibu.

Ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah Luqman, ayat 14:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ
وَفَصَّلَتْهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ



"Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)".

Ibu lah yang mengorbankan tenaga, disaat kesusahannya ketika mengandung kita, sehingga menanggung kesakitan dan kesukaran disaat kita dilahirkan ke dunia. Maka tidak hairanlah kita sebagai anak akan lebih mengingati dan menyebut nama ibu. Jika kita ada masalah, kita akan luahkan kepada ibu, kita lebih suka berkongsi perasaan dengan ibu kerana ibu menjadi teman setia yang mendengar luahan hati kita, sehingga jika kita terbaring sakit pun, apabila tangan ibu yang mengusapkan kepala kita, maka kelegaan dirasai di hati. Kalau hendak makan, kita lebih suka masakan ibu. Tidak dapat dinafikan bahawa kasih



sayang seorang ibu mengatasi segalanya, tidak dapat dinilai dengan emas dan perak, tidak dapat dibayar dengan wang ringgit. Berdasarkan sifat dan naluri keibuan, maka tidak hairan kasih sayang dan pengorbanannya melebihi segalanya.

Hadirin tetamu Allah sekalian,

Walaupun kita sedar ibu yang melahirkan kita ke dunia ini, tetapi kita kesal kerana masih ada segelintir masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap ibunya. Kita mendengar kisah ibu bapa yang diabaikan oleh anak-anak, termasuk yang dihantar ke rumah penjagaan orang-orang tua kerana untuk mengelak daripada memelihara dan menjaga mereka.

Menurut satu Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2017, terdapat seramai 598 orang warga emas perempuan Islam menjadi penghuni Rumah Kebajikan Masyarakat di seluruh negara, sedangkan itu menjadi tanggungjawab anak-anak untuk menjaga mereka sebaik-baiknya. Walau bagaimanapun tiada halangan jika ibu bapa bersetuju dan memohon untuk dihantar ke pondok-pondok pengajian dengan tujuan supaya dapat bermesra dan berkenal-kenalan serta beramal ibadah di hujung usia mereka dengan tidak memutuskan hubungan serta kunjungan daripada anak-anak. Namun yang terbaik adalah menjaga dan menguruskan mereka di rumahnya sendiri dengan pengurusan yang lebih sempurna.

Sesungguhnya berkhidmat dan menguruskan ibubapa yang telah tua akan dikurniakan ganjaran dan fadhilat yang besar di sisi Allah SWT. Dalam sebuah hadis daripada Muawiyah bin Jahimah al-Sulami meriwayatkan bahawa Jahimah telah menemui Rasulullah SAW lalu berkata yang bermaksud: "Wahai Rasulullah! Aku ingin turut serta berperang dan aku datang meminta nasihatmu." Baginda SAW bertanya:



"Adakah ibumu masih ada?" Dia menjawab: "Ada." Lalu sabda baginda SAW: "Berkhidmatlah dan jaga urusannya, kerana syurga di bawah kedua kakinya".

(*Riwayat al-Nasa'i*).

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Hadis ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang anak itu berkhidmat dan menguruskan keperluan ibunya. Ia menjadi lebih utama dari jihad berperang. Rasulullah SAW telah meletakkan keutamaan menjaga ibu, lebih besar dari keperluan jihad. Ini kerana tuntutan jihad boleh dipenuhi oleh ramai orang, sedangkan tugas berkhidmat untuk ibu hanya dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh anaknya sendiri. Semua ini perlu dilaksanakan demi memenuhi perintah Allah SWT. Dia telah menjadikan kunci syurga bagi seorang anak pada ibunya. Semakin baik khidmatnya pada ibu dan semakin bersungguh usahanya memenuhi keperluan ibunya, semakin cerah peluangnya untuk memasuki syurga Allah di akhirat nanti.

Dalam sebuah hadis riwayat daripada Abu Hurairah R.Anhu bahawa Rasulullah SAW mengingatkan betapa hina dan malangnya seorang manusia yang tidak mengambil peluang untuk berbuat baik kepada ibubapanya yang telah tua dengan sabdanya:

مَنْ أَدْرَكَ وَالِدَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ أَحَدَهُمَا أَوْ كِلَيْهِمَا،
ثُمَّ لَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ

"Sesiapa yang sempat dengan kedua-dua ibu bapanya masih hidup atau salah seorang atau kedua-duanya ketika sudah tua, lalu tetap dia tidak masuk ke dalam syurga".



(Riwayat Muslim).

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Perlu juga diingatkan bahawa kita hendaklah sentiasa dan terus bersabar menghadapi sebarang masalah dan kerenah yang timbul semasa berkhidmat untuk kedua ibu bapa. Dalam menanggung cabaran ini, ingatlah pesanan orang-orang tua kita dahulu yang amat dalam maksudnya. Seorang ibu boleh memelihara 10 orang anak. Tetapi, 10 orang anak belum tentu mampu menjaga seorang ibu.

Bagi mereka yang ibunya sudah meninggal dunia, maka sentiasalah mendoakan keampunan untuk ibu, perbanyakkanlah amalan bersedekah untuk diniatkan pahalanya kepada arwah ibu. Hadis daripada Ibn Abbas R.Anhuma bahawa seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمَّي تُوَفِّيْتُ وَلَمْ تُوصِ،
أَفَيَنْفَعُنِي أَنْ أَتَصَدَّقَ عَنْهَا؟ قَالَ نَعَمْ .

"Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan tidak meninggalkan wasiat, apakah bermanfaat kepadanya sekiranya aku bersedekah daripada hartanya? Rasulullah SAW menjawab : Ya"

(Riwayat al-Bukhari).

Selain itu, ada hadis yang menjelaskan bahawa anak masih berpeluang untuk berbakti kepada ibunya yang telah meninggal dunia dengan menziarahi kakak kepada ibunya, atau adik perempuan ibunya, atau kenalan yang sering diziarahi oleh arwah ibu. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Umar R.Anhuma bahawasanya seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah SAW, maka dia berkata:



يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ ذَنْبًا عَظِيمًا فَهَلْ لِي
مِنْ تَوْبَةٍ؟ قَالَ: هَلْ لَكَ مِنْ أُمٍّ؟ قَالَ: لَا، قَالَ:
هَلْ لَكَ مِنْ خَالَةٍ؟ قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَبِرِّهَا.

"Wahai Rasulullah. Aku telah melakukan satu dosa yang besar. Adakah aku boleh bertaubat?" Baginda bertanya: "Adakah kau masih ada ibu?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bertanya lagi: "Adakah kau ada ibu saudara sebelah ibu?" Dia menjawab: "Ya." Sabda baginda: "Buat baiklah kepadanya."

(Riwayat at-Tirmizi).

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri bicara khutbah pada hari yang penuh barakah ini, marilah sama- sama kita mengambil intipati pengajarannya iaitu:

1. Umat Islam wajib mentaati kedua ibu bapa kerana ia merupakan perintah Allah SWT yang menjanjikan syurga pada hari akhirat nanti.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa menghormati, mengasihi dan menjaga kedua orang tuanya dengan sebaik-baiknya.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu dan bapa kita semasa mereka hidup ataupun setelah mereka meninggal dunia.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ ﴿٤١﴾

"Wahai Tuhan kami! berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan".

(Ibrahim : 41).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Zaki/Nurul

14.11.2017



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
